

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HKN 203/NSK 016 Puisi Melayu dan Indonesia Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA BELAS [12] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SATU [1] soalan

1. Asas-asas ideologi kepengarangan yang dibawakan oleh Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) ada kemiripannya dengan aliran realisme sosial. Jelaskan mengenai aliran realisme sosial dan hubungkaitnya dengan wawasan Asas 50 tersebut. Di dalam kaitan ini juga bincangkan kepenyairan Usman Awang sebagai tokoh dan pembawa suara Asas 50.
2. Menurut Md. Salleh Yaapar, penyair Malaysia yang dengan jelasnya mengemukakan falsafah eksistensialisme di dalam sajak-sajaknya ialah Muhammad Haji Salleh. Bincangkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada sajak Muhammad Haji Salleh "Pulang Si Tenggang" (lihat lampiran). Sejauh manakah watak si Tenggang berjaya dialihkan oleh penyair menjadi tokoh eksistensialis, dan kemukakan pula kritikan penyair terhadap masyarakat di tanah airnya.

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

3. Di dalam analisis Braginsky mengenai kepenyairan Baha Zain dikemukakan bahawa penyair ini di dalam puisinya berupaya memadukan eksistensialisme dan amalan agama puitik Jawa Kuno (yoga tantri). Bincangkan proses kerja kreatif penyair di dalam ajaran agama puitik Jawa Kuno sebagaimana dilaksanakan Baha Zain di dalam antologi Perempuan dan Bayang-bayang. Bincangkan puisinya "Menangguhkan Kebenaran" (lihat lampiran) dengan merujuk kepada pemakaian simbolisme siang dan malam, topeng, bayang-bayang dan perempuan.
4. Aliran Imagisme menumpukan perhatian kepada imej di dalam penulisan puisi. Dengan merujuk kepada pernyataan tersebut bincangkan sejauh manakah sajak Latiff Mohidin "Sungai Tua" (lihat lampiran) berhasil membawakan aliran tersebut di dalam perkembangan puisi Malaysia mutakhir.

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

5. Apa yang dimaksudkan dengan gejala atavisme di dalam puisi menurut Subagio Sastrowardoyo di dalam bukunya Bakat Alam dan Intelektualisme? Apa pula yang dimaksudkan dengan aliran ekspresionisme? Bincangkan kedua-dua perkara tersebut dengan menganalisis sajak Chairil Anwar "Cerita Buat Dien Tamaela" (lihat lampiran).
6. Penjelasan Subiantoro Atmosuwito tentang sikap religius dan puisi religius hampir sama dengan keterangan Soeren Kierkegaard yang mengatakan bahawa sikap religius diperlukan untuk melengkapi sikap estetik dan etik. Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan puisi religius oleh Atmosuwito dengan melihat kepada sajak Amir Hamzah "Doa" (lihat lampiran). Huraikan pula bagaimana Amir Hamzah berjaya menimbulkan pencerahan dan gairah ketuhanan kepada pembacanya, terutama melalui diksi, imej-imej simbolik dan unsur-unsur puitik yang lain.

BAHAGIAN D - Jawab SATU [1] soalan

7. Pada mula kemunculannya sebagai penyair Sutardji Calzoum Bachri mengambil mantera sebagai asas wawasan estetikanya, tetapi di dalam perkembangannya kemudian penyair ini menampakkan kecenderungan sufistik. Apa alasan penyair ini beralih kepada sastera sufistik? Berkaitan dengan itu bahaskan pula sajak "Sampai" Sutardji (lihat lampiran) dengan melihat kepada konteks 'pencarian diri' dan dengan membandingkan dengan 'pencarian diri' Hamzah Fansuri di dalam syairnya (lihat lampiran).

8. Di dalam puisinya "Pariksit" (lihat lampiran) Goenawan Mohamad berjaya mengemukakan renungan eksistensialis dengan menggunakan motif dari cerita tradisional Jawa yang berjudul "Matinya Pariksit". Huraikan secara ringkas aspek-aspek daripada cerita tersebut yang dapat dibawa ke dalam suasana renungan eksistensialisme. Kaitkan pula konteks historis sajak tersebut dengan suasana politik di Indonesia pada masa akhir pemerintahan Sukarno.

.../LAMPIRAN

.../4

QUESTION NO. 2

PULANG SI TENGGANG
(buat baha zain)

I

jarak jasmani yang kutempuh ini
adalah perjalanan jiwa,
pemindahan diri dari tanah asal
ke negeri yang dikumpul oleh mata dalam akal.
ilmu yang datang darinya
adalah ilmu pendatang
yang belajar melihat, berfikir
dan memilih di antara kenyataan
yang selalu berubah.

II

benar aku pernah memarahi ibu atau nenekku,
tetapi hanya setelah berkali menceritakan keadaan
yang mereka tidak pun pernah cuba memahami.
isteri yang mula kucintai di waktu kesepian,
di negeri yang terlalu mengasingkan,
telah mereka bawa ke prasangka.
aku tidak pulang sepenuhnya, aku tau,
aku telah dirubah waktu dan persekitaran,
dikasarkan oleh kepayahan,
dianehkan oleh perpisahan.

III

tapi lihat,
aku bawa pulang diriku
yang diperbesarkan oleh rasa percaya,
diluaskan oleh tanah dan bahasa-bahasa.
aku tidak takut lagi pada lautan
atau manusia yang berlainan,

tidak mudah ditipu oleh sesiapa
dengan bicara atau idea.
perjalanan adalah guru setia,
yang tidak pernah malas memaknakan
kebudayaan atau kelainan
lihat, aku seperti kau juga,

masih melayu
peka pada apa
yang kupercayai baik,
lebih sedia memahami
dari adik atau abangku.
dan muatan kapal ini juga untukmu,
kerana aku pulang

IV

perjalanan membuat aku pemilih,
pencari yang selalu tidak menerima
apa yang diberi tanpa kejujuran
atau yang meminta bayaran dari peribadi,
mengurangkan rasaku manusia.
bertahun di lautan dan negeri pesisiran
aku telah belajar membeza
mengambil hanya yang diuji bandingan,
atau sesuai dengan kata-kata datukku
yang membuat aku sering memikirkan
kampung dan kesempurnaannya.

V

dan juga
aku sudah belajar
jadi kurang ajar,
memeluk kenyataan dengan logika baru,
berdebat dengan hujah-hujah pejal dan nyaring
tapi
tapi aku juga boleh
bersopan santun, menghormati
manusia dan kehidupan.

VI

aku bukan manusia baru,
tidak terlalu
berlainan darimu;
hanya penduduk dan kota
di pantai-pantai pelabuhanku
bahawa aku tidak
meminta bermenung di depan suatu keasingan,
risau melihat kepayahan

aku takut kepada kemungkinan.
aku adalah kau
yang dibebaskan oleh kampung,
tanah dan kebiasaan
merdeka kerana aku
telah menemui diri.

[Muhammad Haji Salleh]

SOALAN NO. 3

MENANGGUHKAN KEBENARAN

aku berbaring tanpa pakaian di ranjang
mengiring mengadap wajah kaca yang sepi
betapa derita tubuhku dan pucatnya kulit
bagai seksa seabad berhimpun sesaat
mengundang kemusnahan tetapi menanggungkannya
untuk suatu waktu yang tak pasti

wahai kekasihku yang segar dan bernafsu
aku telah mendustai kau di bawah cahaya bulan yang hamil
dalam kesepian yang tak perlukan sebarang kata
di bawah naungan kebenaran sejenak
dan kini mata yang kutatap di kaca menyeksa diriku sendiri
kerana ia tak biasa kubohongi lagi

aku seharusnya berada di tengah kawan-kawan
atau berbicara dengan diplomat, profesor atau peguam
semuanya memiliki kesukaan yang sama --
berdusta pada perempuan, anak-anak dan sahabatnya,
aku seharusnya tidak menulis puisi lagi
lebih baik merayau di lorong-lorong kelam
atau berbaring saja di dada wanita penghuninya
kerana baginya segala dusta dan janji tak pernah menjadi
benar.

[Bahan Zain]

QUESTION NO. 4

SUNGAI TUA

di saat kesepian menikam-nikam dada
mengalirlah sungai tua
dari desa ke desa
penghuninya telah lama
membuang wajah ke kota
juga kupu-kupu telah lama
kehilangan warna pelanginya

bila tebingmu menunda-nunda
bila desamu menunda-nunda
berikanlah air mata kesepianmu
pada anjing-anjing hutan
yang kehilangan bulan buruannya
pada burung-burung utusan
yang kehilangan benua kekasihnya

[Latiff Mohidin]

SOALAN NO. 5

CERITA BUAT DIEN TAMAELA

Beta Pattirajawane
Yang dijaga datu-datu
Cuma satu.

Beta Pattirajawane
Kikisan laut.
Berdarah laut.

Beta Pattirajawane
Ketika lahir dibawakan
Datu dayung sampan.

Beta Pattirajawane, menjaga hutan pala.
Beta api di pantai. Siapa mendekat
Tiga kali menyebut beta punya nama.

Dalam sunyi malam ganggang menari
Menurut beta punya tifa,
Pohon pala, badan perawan jadi
Hidup sampai pagi tiba.

Mari menari!
mari beria!
mari berlupa!

Awas jangan bikin beta marah
Beta bikin pala mati, gadis kaku
Beta kirim datu-datu!

Beta ada di malam, ada di siang
Irama ganggang dan api membakar pulau...

Beta Pattirajawae
Yang dijaga datu-datu
Cuma satu.

[Chairil Anwar]

SOALAN NO. 6

DOA

Dengan apakah kubandingkan pertemuan kita, kekasihku?
Dengan senja samar sepoi, pada masa purnama meningkat naik,
setelah menghalaukan panas payah terik.

Angin malam menghembus lemah, menyejuk badan, melambung rasa
menayang fikir, membawa angin ke bawah kursimu.

Hatiku terang menerima katamu, bagai binatang memasang
lilinnya.
Kalbuku terbuka menunggu kasihmu, bagai sedap-malam menyerak
kelopak.
Aduh kekasihku, isi hatiku dengan katamu,
penuhi dengan cahayamu, biar bersinar mataku sendu, biar
berbinar gelakku rayu!

[Amir Hamzah]

SOALAN NO. 7

SAMPAI

Hafiz ketemu Tuhan semalam
 tapi kini di mana Hafiz
Rumi menari bersama Dia
 tapi kini di mana Rumi
Hamzah jumpa dia di rumah
 tapi kini di mana Fansuri
Tardji menggapai Dia di puncak
 tapi kini di mana Tardji

Kami tak di mana-mana
Kami mengatas meninggi
Kami dekat

Kalau kalian mabuk Tuhan
 kami mabuk sama kalian
kalau kalian rindu Dia
 rindu kalian bersama kami
kalau kembali ke rumah Diri
 kalian kembali ke rumah kami
sampai kalian ke puncak nurani
 kalian pun sampai sebatas kami

[Sutardji Calzoum Bachri]

PENCARIAN DIRI

Hamzah Fansuri di dalam Mekkah
Mencari Tuhan di Bait al-Ka`bah
Di Barus ke Qudus terlalu payah
Akhirnya dijumpa di dalam rumah

[Syair Hamzah Fansuri]

SOALAN NO. 8

PARIKSIT

Pariksit menunggu hari segera lewat.
Orang-orang pun menunggu batas waktu kutukan
Crenggi kepadanya berakhir, hingga baginda
bebas dari ancaman kebinasaan oleh Naga
Taksaka. Saat itu hari dekat senja. Raja
muda yang disembunyikan di pucuk menara itu
tengah tegak, merapatkan diri ke tingkap
Angin bangkit.

I

Dari rahim waktu, aku tahu kutukan bangkit
ke arah dadaku. Angin masih juga menimpa
dinding menara, penjara dari segala penjara:
ia yang lahir dari busur langit
dan jatuh berpusar ke arah tubuhku yang sendiri
Angin yang purba, yang
semakin purba: dingin, dan asing.

Jauh di bawahku terpacak rakyatku
menunggu. Mereka yang menyelamatkan, dan juga
menyeksa diriku. Mereka yang mendoa, sementara
aku tidak berdoa. Mereka yang kini punya angin-angin
sendiri, hujan-hujan sendiri, dan dukacita yang
sendiri. Mereka yang tak tahu
kita tak bisa berbagi.

(Tapi seksa ini adalah seksa mereka, seksa
mereka, yang kuwakili di atas kelemahan tangan-tanganku)

Kini kuhirup bau senja, bau kandil-kandil
dan pesta: pesta pembebasan, tapi juga serapan malu
akan kecut hatiku. Bau yang sunyi, teramat sunyi
Seperti sunyi yang menyilangkan kakinya
menantang padaku.

II

Menara, penjara dan penyelamat jasadku.
Tinggi ia menghujat bumi, mendamik dada ke langit:
keangkuhan besar ke tengah maha alam yang besar.
Kerananya, langit yang sarat warna tiada lagi
tempatku. Dan bumi gementar meninggalkanku.

Kini telah kupilih, sebab keluarga dan rakyat yang kukasih, keselamatan jasadku. Kini telah kupilih, kerana takutku, hari-hari yang tak memerdekakan hatiku.

Dan telah kuhindari Maut, mautku sendiri.

Barisan burung-burung yang kian jauh seakan-akan menyingkirkan diri dari kotaku yang sepi. Kota yang berbatas gurun, berbatas rimba serta rumah-rumah pertapa. Kota yang melenguhkan hidup bila tahun mengatupkan pintu-pintunya.

Aku telah lama bernafas dari kandungannya. Telah lama.

Aswatama, mengapa tak kau bunuh dulu bayi itu? Mengapa kau lepaskan aku?

III

Maka segera sajalah senja ini penuh dan titik mentari terakhir jatuh. Dan kutuk itu datang, membinasakan dan melebur daku jadi abu.

Bukan kegelisahan dahsyat yang hendakkan semua itu. Bukan seksa menunggu yang menyuruhku. Tapi kurindukan kemenangan-kemenangan, kemenangan yang mengalahkan kecut hatiku.

Kerana memang kutakutkan selamat tinggal yang kekal. Seperti bila dari tingkap ini kuhembuskan nafasku dan tak kembali tanpa burung-burung, tanpa redup sore di pohon-pohon tanpa musim, tanpa warna, yang menyusup kulit tubuhku. Juga tanpa laut, yang jauh menyemak matahari, rimba dan hewan-hewan meriah.

Seperti bila langit dan titik-titik bintang yang halus pun raib bersama harummu, perempuan dalam telanjang dinihari.

Pada ahirnya kita tak senantiasa bersama. Ajal memisah kita masing-masing tinggal.

IV

Wahai, adakah itu dia? (Berderak tingkat tiba-tiba tapi angin yang kian dingin yang menguap padaku -- angin dan angin senantiasa).

Jika saja aku selamat, saudaraku, kita nanti
saat itu lalu, akan masih saja kudukung kiamat dalam diriku.
Pohon-pohon menyambutku, haiwan-haiwan akan lagi kuburu:
tapi sepi akan tumpah ke nadi-nadiku, kerana
aku telah dibebaskan, tapi juga tak dibebaskan.

Dan tak kukenal wajahku kembali

Di ruang ini, kunobatkan ketakutanku. Di menara ini
kuikat hidup-hidup kehadiranku: begitu sunyi, terenggut
dari alam dan nasibku sendiri.

Maka Taksaka, leburlah aku dalam seribu api!
Dan mati.

V

Demi matiku, kutunjukkan padamu segala
yang tak sia-sia ini.
Ketika tiada pernah kubunuh diriku, dan tiada pernah
kuingkari. Dan seksa yang telah diwakilkan padaku,
kudekapkan pada Maut: dan segalanya pun terurai,
seperti musim bunga.

Dan di sana kulihat, juga kau lihat:
jentera-jentera yang berbisik ke laut,
berbisik, seperti burung-burung yang mencecah
dan degup demi degup darah.
Lalu terasa: di ruang abad ini
kita akan selalu pergi
dalam nafas panas
yang santai.
Dan setiap kali malam pun tumbuh
dan cemara
menggigil dingin ke udara.

[Goenawan Mohamad]

-ooo000ooo-